

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

1. Memandangkan bahawa ada banyak isu rimbunan pokok-pokok yang menghalang pencahayaan tiang lampu jalan TNB dan isu dahan sangkut di pendawaian yang sering berlaku di jalan-jalan utama JKR Persekutuan, apakah tindakan dari pihak JKR dan pihak TNB untuk menyelesaikan masalah kacau ganggu ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Penyelenggaraan pokok adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya terdapat pokok-pokok yang memerlukan tindakan penyelenggaraan, pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) akan mengeluarkan notis pemakluman kepada agensi terbabit. Manakala bagi Pihak TNB kerja-kerja pemangkasan dahan akan dilakukan sekiranya terdapat kacau ganggu pada pendawaian dan tiang lampu milik TNB.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA :5(A)(XI)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

2. Apakah status mengenai projek Fasa Dua Pembinaan Parit Monsun *ByPass* Jalan Thamby Kechil?
  - (a) Memandangkan peruntukan lebih kurang RM3 juta untuk melaksanakan projek Fasa Dua sudah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2021, bilakah projek ini boleh dilaksanakan untuk meminimumkan isu banjir kilat di kawasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Projek Fasa Dua Pembinaan Parit Monsun *Bypass* Jalan Thamby Kechil kini sedang dalam peringkat pindaan reka bentuk oleh perunding berdasarkan kepada ulasan oleh pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Pihak perunding dijangka dapat menyiapkan pindaan reka bentuk tersebut pada bulan Oktober 2024.
  - (a) Projek ini dijangka dapat dilaksanakan seawal bulan Disember 2024 bergantung kepada kelulusan reka bentuk dari LLM dan JKR. Proses kelulusan ini melibatkan pihak LLM dan JKR kerana cadangan parit pintasan ini akan melalui rizab Jalan Negeri yang diselenggara oleh JKR Negeri/ Daerah, rizab Jalan Persekutuan yang melibatkan JKR Persekutuan dan parit monsun di dalam kawasan seliaan LLM yang menjadi titik akhir curahan bagi cadangan projek tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

3. Memandangkan ada sebahagian kawasan lapang dan taman rekreasi menghadapi masalah penyelenggaraan pokok yang berlarutan terutamanya Taman Rekreasi Taman Tugu Demokrasi Bagan, Taman Rekreasi Taman Riang dan Kawasan Lapang Taman Mekar di kawasan DUN Bagan Jermal. Apakah perancangan oleh pihak MBSP untuk memastikan penyelenggaraan dibuat secara berkala secara efektif?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa prihatin dalam memastikan tahap keselamatan dan keselesaan Taman Rekreasi Taman Tugu Demokrasi Bagan, Taman Rekreasi Taman Riang dan Kawasan Lapang Taman Mekar yang terletak di kawasan Seberang Perai terjamin selamat untuk dikunjungi oleh pengunjung. Justeru, MBSP telah membuat perancangan penyelenggaraan termasuk kerja-kerja pembersihan yang teratur bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan dapat dilaksanakan secara efektif.

Terdapat dua (2) bentuk penyelenggaraan yang dilaksanakan di kawasan Taman Rekreasi Taman Tugu Demokrasi Bagan, Taman Rekreasi Taman Riang dan Kawasan Lapang Taman Mekar di kawasan DUN Bagan Jermal iaitu seperti berikut:

(a) Penyelenggaraan Berkala.

Kerja-kerja penyelenggaraan pokok seperti merendah/ menebang/ memangkas/ menyingkap dan kerja lain-lain yang berkaitan yang dijadualkan dilaksanakan sekali setahun. Kerja-kerja ini perlu dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh arahan kerja dikeluarkan; dan

(b) Penyelenggaraan Kecemasan.

Kerja-kerja kecemasan seperti melupuskan pokok tumbang, dahan patah dan kerja lain-lain yang berkaitan perlu dilaksanakan dalam tempoh 24 jam. Khusus bagi pokok mati/ berisiko, tindakan segera perlu diambil dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) hari.

Kegagalan kontraktor melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dalam tempoh yang telah ditetapkan akan dikenakan denda/penalti seperti di dalam kontrak yang telah ditandatangani.

Manakala bagi kerja-kerja pembersihan daun luruh/ kering di Taman Rekreasi Taman Tugu Demokrasi Bagan, Taman Rekreasi Taman Riang dan Kawasan Lapang Taman Mekar di kawasan DUN Bagan Jermal pula, ia dilaksanakan dengan kekerapan seminggu sekali.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

4. Perincikan berapa buah taman perumahan di mana sistem perparitan yang sudah melebihi usia 30 tahun dan usang yang akan dilaksanakan kerja-kerja penaiktarafan di KADUN Bagan Jermal pada tahun 2024.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Taman Bunga Raya, Taman Sin Tatt dan Taman Melur telah dikenal pasti oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebagai taman perumahan yang sudah melebihi usia 30 tahun dan usang di kawasan KADUN Bagan Jermal.

Pada tahun 2024, MBSP merancang untuk menjalankan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan melalui pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Fasa 2 di Taman Bunga Raya yang turut melibatkan sistem perparitan di Taman Sin Tatt dan Taman Melur.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

5. Apakah status mengenai kerja-kerja melaksanakan longkang *bypass* di Gerbang Mak Mandin 2, Taman Sri Nasib yang akan menghubungkan longkang tersebut ke parit monsun yang telah diperuntukkan RM100,000 dan jangka masa tempoh pelaksanaan projek tersebut yang kritikal untuk meminimumkan impak banjir di kawasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah menerima peruntukan berjumlah RM100,000.00 dari Kerajaan Persekutuan (Kerja Kecemasan) pada tahun 2023 untuk melaksanakan kerja-kerja pengukuran sempadan dan penaiktarafan parit tanah hingga ke Sungai Mak Mandin. Projek ini telah dilaksanakan pada 9 November 2023 dan siap sepenuhnya pada 7 Disember 2023.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

6. Mohon semak status berkaitan masalah vandalisme papan tanda dan patil jalan di kawasan KADUN Bagan Jermal.
- (a) Apakah hasil siasatan dan jangka masa untuk menggantikan / *rework* papan tanda dan patil jalan yang telah dirosakkan atau diconteng?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Berdasarkan siasatan di tapak, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mendapati terdapat lima (5) papan tanda telah rosak yang melibatkan papan tanda nama taman dan patil jalan yang disebabkan oleh perbuatan vandalisme yang berlaku di kawasan KADUN Bagan Jermal.
- (a) Hasil siasatan di tapak mendapati terdapat kerosakan yang berlaku pada papan tanda nama taman dan patil jalan yang disebabkan oleh perbuatan vandalisme. Walau bagaimanapun, pelaku vandalisme tersebut tidak dapat dikenal pasti oleh pihak MBSP.

Kerja-kerja untuk menggantikan/ *rework* papan tanda dan patil jalan yang telah rosak telah selesai dilaksanakan dengan mengambil masa dalam tempoh dua (2) bulan dan selesai sepenuhnya pada bulan Mac 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

7. Memandangkan isu kecurian kabel TNB dan TELEKOM masih berlaku di KADUN Bagan Jermal, apakah status dan data statistik berkaitan kes isu kecurian fius TNB serta kabel TELEKOM?
- (a) Apakah tindakan susulan yang akan diambil untuk mengurangkan kes-kes kecurian tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Status kes-kes kecurian melibatkan aset Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti di **JADUAL 1**.

**JADUAL 1: STATUS KES KECURIAN ASET TNB DAN TM (2023-2024)**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN KES</b>	<b>ANGGARAN KERUGIAN</b>	<b>STATUS</b>
2023	11 TM = 10 TNB = 1	456,215.00 TM = RM451,215.00 TNB = RM5,000.00	(i) Dua (2) lelaki Melayu dan satu (1) lelaki Cina ditahan dengan barang kes kabel TM. Suspek



			<p>dituduh di bawah Seksyen 28 (1) Akta Kesalahan Kecil 1955; dan</p> <p>(ii) Enam (6) lelaki Melayu ditahan dengan barang kes kabel TM. Kes masih dalam perbicaraan di mahkamah.</p>
2024	<p>5</p> <p>TM = 1</p> <p>TNB = 4</p>	<p>38,909.00</p> <p>TM = RM11,409.00</p> <p>TNB = RM27,500.00</p>	<p>Satu (1) lelaki Cina dan satu (1) lelaki India ditahan dengan pelbagai barang kes. Pelaku telah dihukum penjara lima (5) bulan.</p>

- (a) Tindakan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengurangkan kes-kes kecurian melibatkan aset TNB dan TM adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan operasi pemeriksaan kedai barang lusuh. Sebanyak 117 operasi pemeriksaan dijalankan pada tahun 2023 dan sebanyak 100 operasi pemeriksaan telah dilaksanakan sehingga bulan Mei 2024;
  - (ii) Melaksanakan operasi cegah jenayah khas melibatkan kecurian kabel di kawasan hotspot melibatkan kawasan Mak Mandin dan Butterworth dengan kekerapan dua kali seminggu; dan

- (iii) Libat urus bersama pihak TNB, TM dan syarikat-syarikat telekomunikasi setiap tiga bulan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

8. Selain usaha memperkenalkan kursus penggunaan AED dan CPR kepada NGO, MPKK, JBPP dan JPWK, adakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang kolaborasi dengan syarikat pemetaan (Googlemap,Waze) untuk membuat pemetaan lokasi-lokasi AED untuk memudahkan pihak-pihak *First Responder* untuk mendapat alat AED semasa kecemasan berlaku?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Mesyuarat Jawatankuasa *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) dan *Automated External Defibrillator* (AED) Negeri Bil. 1/2024 telah diadakan pada 29 Februari 2024. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan mewujudkan pendaftaran AED (*registry*) dan memantau pelaksanaan secara berterusan. Dengan adanya pendaftaran ini, semua AED yang dijadikan *Public Access Defibrillation* (PAD) akan dibuat pemetaan secara berpusat. Buat masa sekarang, AED yang dipasang telah dimasukkan ke dalam *google map* dan *link map* tersebut dapat diakses oleh *Medical Emergency Coordinating Center* (MECC) di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Seberang Jaya.

MECC ini adalah tempat pengendalian panggilan ambulan di Negeri Pulau Pinang. Semua panggilan ambulan 999 akan dikendalikan oleh MECC dan MECC juga boleh memberi maklumat kepada pemanggil jika terdapat mesin AED yang berdekatan dengan tempat kejadian.

Sebagai usaha untuk menyelaraskan lokaliti alat AED sama ada secara persendirian atau *Public Access Defibrillation* (PAD), pihak Jawatankuasa *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) dan *Automated External Defibrillator* (AED) Negeri kini di dalam usaha untuk mendapatkan maklumat lokasi pemasangan alat secara langsung daripada pihak pembekal Alat AED untuk lokaliti secara tepat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

9. Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan sumbangan dalam bentuk membeli insurans kemalangan untuk memanfaatkan ahli-ahli pasukan Bomba Sukarelawan dan Ambulans Sukarelawan di seluruh negeri Pulau Pinang pada masa akan datang sebagai tanda penghargaan kepada khidmat sukarelawan mereka?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menyediakan peruntukan khusus bagi tujuan pembelian insurans kemalangan kepada Ahli-ahli Bomba Sukarelawan dan Ambulans Sukarelawan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, bagi Ahli-ahli Bomba Sukarelawan, Kerajaan Persekutuan melalui pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan insurans kepada semua Pegawai Bomba Bantuan yang berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta kepada semua Anggota Bomba Sukarelawan yang aktif (yang dihadkan kepada 20-25 Anggota Bomba Sukarelawan bagi setiap pasukan).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

10. Dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.0 juta pada tahun 2023 untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di seluruh kawasan kilang dan kawasan kediaman Taman Kerapu dan MBSP akan melaksanakan projek tebatan banjir merangkumi penaik tarafan rumah pam dan sistem perparitan. Bilakah projek tersebut boleh dilaksanakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Projek tebatan banjir di Taman Kerapu dijadualkan bermula pada Februari 2025. Pada ketika ini, pihak perunding sedang menjalankan kajian reka bentuk terperinci yang dijangka siap pada bulan Jun 2024. Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masih belum memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan projek tersebut kerana kos akhir projek hanya dapat ditentukan setelah kajian disiapkan oleh pihak perunding. Peruntukan RM6.0 juta terbabit merupakan anggaran awal kos projek oleh MBSP bagi menetapkan yuran perunding untuk menjalankan kajian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

11. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan atau Jabatan Kerja Raya bercadang menaik taraf sistem perparitan di seluruh Kawasan Industri Mak Mandin yang berusia lebih kurang 30 tahun disebabkan sering berlakunya isu banjir kilat dan air bertakung semasa hujan lebat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf keseluruhan sistem perparitan di Kawasan Perindustrian Mak Mandin dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan ketersediaan peruntukan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

12. Isu-isu semak samun mengakibatkan penduduk-penduduk tempatan dijangkiti penyakit demam denggi dan digigit oleh semut *charlie* di sekitar kawasan kediaman Taman Ampang Jajar dan Pangsapuri Ampang Jajar. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak berkenaan untuk mengurangkan impak isu ini kepada penduduk setempat?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Pihak yang bertanggungjawab dalam perkara ini adalah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Tindakan yang diambil oleh MBSP dalam mengurangi impak semak samun adalah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kacau Ganggu Dihapuskan di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) terhadap pemilik premis;
- (ii) Mengeluarkan kompaun di bawah Seksyen 74, Akta 171 iaitu membiarkan premis diliputi tumbuhan rimbun dan mudarat;
- (iii) Sekiranya pemilik premis gagal mematuhi notis, MBSP akan mengeluarkan kompaun di bawah Seksyen 82(5), Akta 171 iaitu gagal mematuhi syarat notis;
- (iv) Pendakwaan mahkamah di bawah seksyen-seksyen terbabit; dan



- (v) Sekiranya pemilik masih gagal membuat pembersihan semak samun, kerja-kerja tersebut boleh dilaksanakan sendiri oleh MBSP dan keseluruhan kos akan dituntut kepada pemilik premis di bawah Seksyen 82(11), Akta 171.

Bagi isu demam denggi dan serangga *charlie*, JKNPP akan mengambil tindakan seperti berikut:

(a) **Denggi:**

- (i) Menjalankan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembiakan (PTP);
- (ii) Aktiviti *larvasiding*;
- (iii) Jika pemunya dikenal pasti, Notis Seksyen 8(1) di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154) akan dikeluarkan secara bertulis dengan memerintahkan pemunya atau penduduk itu mengambil langkah-langkah tertentu atau membuat apa-apa kerja berkenaan dengan premis itu atau untuk merawat, memusnah atau membuang apa-apa jua di dalamnya supaya premis itu atau keadaan di dalamnya tidak sesuai untuk pembiakan atau perlindungan bagi serangga pembawa penyakit; dan
- (iv) Jika masalah kawasan tersebut tidak dapat diselesaikan, isu ini akan dibawa ke Mesyuarat Wabak Daerah dan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi menyelesaikan masalah tersebut.

(b) **Serangga *Charlie* (*Rove Beetle*):**

Pihak *Entomology & Pest*, JKNPP akan memberikan khidmat nasihat kepada penduduk untuk:

- (i) Mengamalkan kawalan fizikal seperti tutup tingkap dan pintu pada waktu malam;

- (ii) Menggunakan lampu *LED warm light* di dalam rumah untuk mengurangi tarikan serangga *charlie* ke dalam rumah;
- (iii) Mengurangkan penggunaan lampu yang terang di kawasan koridor khususnya yang menghadap semak samun untuk mengurangi tarikan serangga ke arah rumah penduduk;
- (iv) Memasang jaring halus pada tingkap;
- (v) Mengguna langsir telap cahaya dan penggunaan *door seal*; dan
- (vi) Menyembur serangga tersebut menggunakan aerosol.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

13. Dimaklumkan bahawa pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi menaik taraf pagar dan penghadang padang bola sepak yang terletak di Tingkat Mak Mandin, Mak Mandin. Bilakah projek naik taraf ini akan dilaksanakan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyediakan anggaran peruntukan sebanyak RM100,000.00 bagi menaik taraf pagar dan penghadang padang bola sepak yang terletak di Tingkat Mak Mandin, Mak Mandin. Kerja-kerja naik taraf ini dijangka bermula pada Julai 2024 setelah proses pelantikan kontraktor selesai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

14. Seperti dimaklumkan, peruntukan naik taraf sebanyak RM500,000 parit tanah ke parit monsun di Gerbang Mak Mandin 6, Taman Sri Nasib telah diluluskan supaya pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang dapat melaksanakan projek ini. Bilakah projek ini boleh dilaksanakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Sejumlah RM500,000.00 telah diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) melalui Caruman Perparitan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Sungai Mak Mandin dan menaik taraf parit tanah ke parit monsun di Gerbang Mak Mandin 6, Taman Sri Nasib di daerah Seberang Perai Utara. JPSPP kini dalam proses penyediaan dokumen sebut harga bagi projek tersebut. Projek akan dilaksanakan setelah tindakan penguatkuasaan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) dilaksanakan terhadap struktur haram di kawasan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

15. Didapati bahawa sistem perparitan di kawasan perumahan Jalan Mohd Saad adalah yang paling lama, dibina sejak tahun 1958, tidak lagi dapat menampung kapasiti air hujan masa kini. Bilakah pihak berkenaan boleh memulakan projek menaik taraf sistem perparitan lama dengan anggaran kos bernilai RM200,000 seperti yang telah dimaklumkan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Projek menaik taraf sistem perparitan lama di kawasan perumahan Jalan Mohd Saad dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2025. Pada ketika ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang menjalankan kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti bagi tujuan penyediaan cadangan naik taraf tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

16. Memandangkan kejadian banjir kilat yang masih berlaku di Taman Sin Tatt dan Taman Melur, apakah status atau perancangan mengenai kerja-kerja untuk menaik taraf sistem perparitan di seluruh Taman Sin Tatt dan Taman Melur yang sudah usang, dibina sejak tahun 1977?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Status atau perancangan mengenai kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di seluruh Taman Sin Tatt dan Taman Melur adalah seperti berikut:-
- (a) Kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan di seluruh Taman Sin Tatt dan Taman Melur perlu kelulusan daripada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKR);
  - (b) Pada masa ini, status permohonan bagi kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan ini adalah di peringkat penelitian dan kelulusan daripada pihak LLM bagi jajaran parit yang terlibat dengan kawasan *Butterworth Outer Ring Road* (BORR);
  - (c) Bagi pembinaan parit di jalan negeri iaitu Jalan Thamby Kecil dan jalan persekutuan iaitu Jalan Bagan Ajam, permohonan ini adalah di peringkat ulasan dan kelulusan daripada pihak JKR;
  - (d) Pada masa yang sama, penyediaan pelan reka bentuk terperinci oleh perunding juga sedang dilaksanakan bagi

jajaran parit yang melibatkan Jalan Thamby Kecil dan Jalan Bagan Ayam; dan

- (e) Projek menaik taraf sistem perparitan ini dijangka akan bermula pada Disember 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

17. Status daripada pihak berkenaan mengenai projek naik taraf sistem parit di kawasan perumahan Taman Bunga Tanjung terutamanya di Jalan Bunga Tanjung 7 serta longkang-longkang di sekitar kawasan tersebut yang usang, rosak dan tidak lagi dapat menampung kapasiti air hujan kini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Projek naik taraf longkang di Jalan Bunga Tanjung 7 diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang kerana melibatkan jalan negeri. Lantikan kontraktor juga telah dibuat oleh pihak JKR bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf ini termasuk kawasan longkang-longkang di sekitar kawasan perumahan Taman Bunga Tanjung.

Butiran kerja bagi projek naik taraf longkang di Jalan Bunga Tanjung 7 adalah seperti berikut:-

<b>Tajuk</b>	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Longkang Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan Bunga Tanjung 7, Daerah Seberang Perai Utara.
<b>Kontraktor</b>	VZ Smart Engineering
<b>Kos (RM)</b>	RM266,600.00
<b>Tarikh mula kerja</b>	13 Mei 2024
<b>Tarikh siap kerja</b>	15 Julai 2024



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

18. Berapa jumlah kes keseluruhan demam denggi dan serangan semut *Charlie* yang telah direkodkan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022?
- (a) Apakah langkah-langkah proaktif yang boleh diambil kelak oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bagi mengurangkan kes demam denggi dan serangan semut *Charlie*?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Jumlah kes demam Denggi dan Kumbang *Charlie* bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

<b>Kes</b>	<b>Tahun 2022</b>	<b>Tahun 2023</b>
Demam Denggi	5,725	7,346
Kumbang Charlie	15	7

- (a) Langkah-langkah proaktif yang telah diambil adalah seperti berikut:
- (i) Demam Denggi
- (1) Kerajaan Negeri telah menggerakkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri bagi mengukuhkan kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat untuk memastikan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan dapat diselaraskan seperti menggerakkan masyarakat bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk seperti menjaga

kebersihan persekitaran dengan mengadakan gotong-royong dan mempergiatkan aktiviti promosi kesihatan mengenai denggi di semua daerah;

- (2) Kenyataan akhbar dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri setiap minggu bertujuan untuk memberi maklumat denggi terkini kepada orang ramai dan mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan bagi menghentikan penularan demam denggi;
- (3) Selain itu Pihak Berkuasa Tempatan telah mengenakan syarat-syarat kelulusan memulakan projek pembinaan yang lebih ketat kepada pemaju. Ini bagi memastikan aktiviti pencegahan denggi dijalankan dengan berkesan di tapak-tapak binaan; dan
- (4) Antara kaedah baharu kawalan demam denggi yang diperkenalkan adalah penggunaan MyMAT, *Mosquito Home* dan pelepasan nyamuk berWolbachia. Sebagai contoh, pelepasan nyamuk *Aedes Aegypti* berWolbachia adalah inisiatif terbaru Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang yang telah dilakukan di lokaliti terpilih sebagai permulaan iaitu di Taman Manggis Daerah Timur Laut, Flat Bukit Gedung di Daerah Barat Daya dan Flat Taman Inderawasih di Daerah Seberang Perai Tengah. Tujuan pelepasan nyamuk *Aedes Aegypti* berWolbachia adalah untuk menjangkitkan nyamuk *Aedes Aegypti* liar dengan bakteria Wolbachia dan akan mengurangkan kadar transmisi virus denggi.

(ii) Kumbang *Charlie* (*Beetle Rove*):

- (1) Setiap aduan serangan semut *Charlie* yang diterima oleh pihak JKNPP dan akan disiasat oleh pasukan *Entomologi & Pest* seterusnya khidmat nasihat akan diberikan kepada pengadu. Antara khidmat nasihat teknikal yang diberikan kepada penduduk adalah berkaitan kaedah untuk menghalang serangga *Charlie* daripada memasuki kawasan dalam rumah, galakkan penggunaan lampu jenis LED *warm light* di kawasan rumah (terutama di koridor luar) untuk mengurangkan tarikan *Charlie* ke arah lampu, tutup semua rekahan di dinding (jika ada), tutup tingkap dan pintu dengan jaring halus supaya *Charlie* tidak ada ruang memasuki rumah;

- (2) Penduduk juga dinasihati sekiranya *Charlie* hinggap pada bahagian badan, hembus secara perlahan untuk mengelakkan *Charlie* merasa terancam dan mengeluarkan cecair *paederin* dan segera ke pusat kesihatan untuk mendapatkan rawatan jika terkena dengan cecair *paederine*; dan
  
- (3) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah berkongsi maklumat berkaitan *Charlie* dan cara-cara mencegah *Paederus dermatitis* di media sosial JKNPP.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

19. Apakah statistik jumlah keseluruhan kes kebocoran paip air bawah tanah dan puncanya bagi KADUN Bagan Jermal untuk tahun 2022 dan 2023 serta langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak PBA bagi mengurangkan lagi isu kebocoran paip air bawah tanah PBA?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah merekodkan jumlah statistik keseluruhan kes kebocoran paip air bawah tanah di KADUN Bagan Jermal untuk tahun 2022 dan 2023 adalah masing-masing 233 dan 202 kes dan semua kes kebocoran tersebut telah dibaiki. Kebanyakan kes kebocoran paip di kawasan ini berlaku berpunca daripada paip-paip penghubung dan paip utama yang telah usang. Selain itu, kawasan ini juga menerima tekanan yang tinggi kerana hampir dengan kedudukan Loji Rawatan Air Sungai Dua. PBAPP telah mengambil langkah dengan melaksanakan kerja-kerja pembaikan mengikut jangka masa yang ditetapkan termasuk dengan mengoptimalkan tekanan di dalam *District Metering Area*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

20. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan bercadang untuk mengkaji pelaksanaan rumah pam dan penaiktarafan sistem perparitan di sekeliling kawasan kediaman perumahan Taman Ampang Jajar disebabkan sering berlaku isu banjir kilat dan air bertakung di kawasan tersebut memandangkan akan ada banyak projek pembangunan masa depan di kawasan itu?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Buat masa ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tiada perancangan untuk mengkaji pelaksanaan rumah pam dan penaiktarafan sistem perparitan di sekeliling kawasan kediaman perumahan Taman Ampang Jajar kerana kawasan tersebut tidak termasuk di dalam kawasan *hot spot* banjir bagi kawasan Seberang Perai.

Walau bagaimanapun, MBSP akan meneliti dan membuat ketetapan syarat-syarat berhubung sistem perparitan di kawasan tersebut sekiranya terdapat pembangunan atau pemajuan yang akan diluluskan kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

21. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan telah mengkaji dan merancang kerja naik taraf kompleks penjaja MBSP di Taman Sin Tatt termasuk naik taraf parit perimeter di sekeliling kompleks, naik taraf lantai yang sedia ada dan menurap semula jalan tar di hadapan kompleks penjaja tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah merancang untuk menaik taraf sebahagian infrastruktur di Kompleks Penjaja Taman Sin Tatt pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, perkara ini tertangguh berikutan ketiadaan tempat bagi penempatan sementara peniaga di Taman Sin Tatt.

Kerja-kerja yang dicadang untuk dinaik taraf adalah seperti berikut:

- (a) Naik taraf parit parameter;
- (b) Naik taraf lantai kompleks makanan;
- (c) Naik taraf bumbung; dan
- (d) Naik taraf sistem *grease trap*.

Kerja-kerja naik taraf ini akan diteruskan semula pada tahun 2024 sekiranya peniaga bersetuju untuk menghentikan sementara aktiviti perniagaan mereka atau berpindah ke lokasi penempatan sementara yang terletak melebihi 500 meter dari lokasi penempatan asal.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

22. Adakah pihak Jabatan Kerja Raya bercadang untuk melebarkan dua (2) lorong jalan utama kepada empat (4) lorong di Lorong Mak Mandin 5 yang sedia ada di kawasan industri Mak Mandin sebab terlalu banyak kenderaan melalui jalan tersebut menyebabkan kesesakan lalu lintas semasa waktu kerja dan sekolah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Berdasarkan Mesyuarat Pembentangan Laporan Kajian Penilaian Impak Lalu Lintas bagi Isu Kesesakan Lalu Lintas di Jalan Permatang Pauh dan Butterworth Arena yang telah diadakan pada 24 November 2023 merangkumi cadangan penyelesaian kesesakan bagi jangka pendek dan panjang.

**(a) Cadangan Jangka Masa Pendek**

Cadangan menaiktaraf persimpangan Jalan Permatang Pauh dengan Butterworth Arena.

**(b) Cadangan Jangka Masa Panjang**

Pihak JKR dicadangkan membuat anggaran kos pelebaran Jalan Permatang Pauh bermula dari Jambatan Ampang Jajar sehingga Jalan Bagan 1 dan seterusnya memohon peruntukan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Cadangan pelebaran dua (2) lorong jalan utama kepada empat (4) lorong di Lorong Mak Mandin 5 akan diteliti lebih lanjut berdasarkan Laporan Kajian Impak Lalu Lintas.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

23. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan bercadang untuk melaksanakan projek menghubungkan jalan utama dari arah Jalan Ampang Jajar, Taman Ampang Jajar ke Lorong Mak Mandin 5 di kawasan industri Mak Mandin sebagai jalan alternatif penduduk tempatan dan pada masa sama mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan utama?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Buat masa ini Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek menghubungkan jalan utama dari arah Jalan Ampang Jajar, Taman Ampang Jajar ke Lorong Mak Mandin 5 di kawasan industri Mak Mandin sebagai jalan alternatif penduduk tempatan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Mesyuarat Pembentangan Laporan Kajian Penilaian Impak Lalu Lintas bagi isu kesesakan lalu lintas di Jalan Permatang Pauh dengan Butterworth Arena yang telah dipengerusikan oleh Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital pada 24 November 2023 telah memutuskan untuk meneliti semula cadangan membina jalan tersebut sekiranya projek pembangunan di atas tanah hak milik Perbadanan Ketua Menteri dibangunkan kelak.

Selain itu, melalui mesyuarat tersebut terdapat beberapa cadangan bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di jalan utama, Jalan Permatang Pauh iaitu seperti berikut:-

(a) Cadangan Jangka Masa Pendek

Cadangan menaiktaraf adalah di persimpangan Jalan Permatang Pauh dengan Butterworth Arena.

(b) Cadangan Jangka Masa Panjang

Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dicadangkan membuat anggaran kos pelebaran Jalan Permatang Pauh bermula dari Jambatan Ampang Jajar sehingga Jalan Bagan 1 dan seterusnya memohon peruntukan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

24. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan bercadang untuk melebarkan laluan kecil sedia ada di Solok Berani Satu yang menghubungkan Jalan Kampung Kastam dan Jalan Kilat di mana ia amat penting sebagai laluan alternatif bagi menghubungkan Taman Riang dan Taman Melur?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tiada perancangan untuk melebarkan laluan kecil sedia ada di Solok Berani Satu yang menghubungkan Jalan Kampung Kastam dan Jalan Kilat memandangkan jalan tersebut telah mengikut had spesifikasi rizab jalan sedia ada.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

25. Adakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk membangunkan dan mempromosikan kawasan Bagan sebagai tempat pelancongan yang mempunyai pelbagai budaya dan warisan?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) secara berterusan melaksanakan usaha-usaha ke arah membangunkan dan mempromosikan kawasan Bagan dan Seberang Perai. Kawasan Bagan adalah di antara lokasi yang terlibat di dalam penganjuran program berteraskan gastronomi, kesenian, kebudayaan dan warisan

Senarai projek fizikal dan program-program yang telah dilaksanakan oleh MBSP di kawasan Bagan adalah seperti berikut:

- (a) Penganjuran *Butterworth Fringe Festival* yang merupakan acara tahunan sejak tahun 2015 telah menjadi tumpuan awam melalui asimilasi budaya tempatan dan antarabangsa;
- (b) *Arch Installation* bagi Projek *Art In the City* di padang Pemuda Merdeka 2022;
- (c) Projek pengindahan *street art* sebagai satu inisiatif untuk naik taraf reruang awam yang mana menjadikan lorong belakang dan lorong sisi sebagai salah satu ruang yang bernilai untuk komuniti. *Butterworth Art Walk* Fasa I diadakan pada Januari 2024; dan

- (d) Sesi *Outreach* Program Geran Pekan Seberang Perai di Pasar Awam diadakan Bagan Ajam pada 21 April 2024.

Projek Fizikal dan program yang bakal dilaksanakan oleh MBSP adalah seperti berikut:

- (a) Naik taraf *Butterworth Art Walk* Fasa II dijangka akan bermula suku tahun ketiga tahun 2024;
- (b) Naik taraf Taman Pantai dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2024;
- (c) Penganjuran Pesta Pantai di Pantai Bagan Ajam bersama komuniti setempat bagi langkah mempromosikan kawasan tersebut sebagai lokasi pelancongan pantai di Seberang Perai; dan
- (d) Penganjuran *Butterworth Fringe Festival* oleh MBSP yang akan diadakan pada September 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

26. Adakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menubuhkan sebuah Urban Transformation Center (UTC) di kawasan Seberang Perai?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B KETUA MENTERI**

26. Pusat Transformasi Bandar atau *Urban Transformation Center* (UTC) adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan kepada komuniti di dalam satu pusat sehenti atau di dalam satu bangunan. Penubuhan UTC adalah tertakluk di bawah bidang kuasa dan keputusan Kerajaan Persekutuan.